

RM700

>> Tawaran bagi iklan produk berdurasi antara 60 dan 90 saat

30-05-2016

setempat

15

HARIAN METRO

SUSULAN KANTUNG DUIT

'Jual' kemahiran guna teknologi

Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Keupayaan generasi muda masa kini untuk berfikir secara kreatif khususnya bagi menjana pendapatan wajar mendapat pujian semua pihak, sekali gus membuktikan mereka mampu menonjolkan kemahiran serta kekuatan diri tanpa perlu bergantung kepada pihak lain.

Pakar Sosial yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohamad Shatar Sabran berkata, lebih bermafaat lagi apabila mereka banyak menggunakan kemudahan menerusi capaian teknologi yang luas untuk menjana keuntungan hanya berfikir di luar kotak bagi menjalankan perniagaan secara kreatif berbanding kaedah tradisional.

Katanya, ia adalah satu perkembangan yang sihat kerana generasi muda terabit 'menjual' kemahiran

■ Generasi muda tonjol kekreatifan dalam bidang keusahawanan wajar dapat pujian



LAPORAN Metro Ahad, semalam.

serta kebolehan mereka dalam memajukan diri berkaitan bidang keusahawanan yang sememangnya amat di galakkan oleh semua pihak.

"Keusahawanan hari ini berjaya disebabkan penjenamaan semula, cara pemasaran dan menonjolkan produk. Moralnya ialah bagaimana kita mahu menarik pelanggan untuk membeli produk dan kelainan yang boleh digunakan ialah menerusi cara lain selain ka-

edad tradisional.

"Bagi saya, generasi muda sudah mula keluar dari kotak untuk memajukan diri mereka terutama dalam era globalisasi dengan menonjolkan kekuatan masing-masing termasuk dalam bidang keusahawanan di mana ia tidak boleh lagi dilihat sebagai perniagaan yang hanya membabitkan fizikal semata-mata. Dulu, kita mesti ada lokasi namun sekarang ini segala-galanya dilakukan di alam

siber disebabkan arus pemodenan," katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas laporan muka depan Metro Ahad semalam, mengenai sekumpulan anak muda yang sering beraksi di laman sosial dengan memuat naik pelbagai video berbentuk humor yang kemudiannya menjadi viral.

Populariti mereka meletup di media sosial hanya kerana memuat naik video yang memaparkan pelbagai kisah masyarakat Malaysia dalam bentuk humor dan komedi dan kepakaran anak muda itu kini menjadi 'kantung duit' apabila menubuhkan syarikat pengiklanan Viral Media Sdn Bhd (Viral Media) dengan membuat video iklan produk dalam bentuk humor dengan harga paket serendah RM700 bagi iklan berdurasi antara 60 dan 90 saat.

Mohamad Shatar berkata, usaha yang dilakukan

oleh sekumpulan anak muda itu dilihat tidak memberi sebarang kesan negatif terhadap masyarakat selagi apa yang dilakukan dalam video berkenaan tidak bertentangan dengan nilai moral dan norma masyarakat.

Malah katanya, beliau melihat ia sebagai satu perkembangan positif apabila generasi muda tidak lagi bergantung harap untuk mendapat pekerjaan dalam sektor swasta atau kerajaan sebaliknya mereka sendiri mencipta peluang pekerjaan kepada orang

lain.

"Ini adalah senario yang diinginkan oleh kerajaan sebenarnya dalam usaha ke arah mencapai negara maju pada 2020. Jika ramai yang boleh mengikut jejak langkah seperti ini, mereka tidak perlu lagi bergantung terhadap pasaran perkerjaan kerajaan atau swasta," katanya.

“Bagi saya, generasi muda sudah mula keluar dari kotak untuk memajukan diri mereka

Dr Mohamad Shatar Sabran

